

PENGENALPASTIAN STRUKTUR AYAT PASIF DALAM *HIKAYAT ABDULLAH*

LIAN CHING WEI

Universiti Kebangsaan Malaysia
sanctus.lian@gmail.com

*NASRUN ALIAS**

Universiti Kebangsaan Malaysia
nursan@ukm.edu.my

** Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Makalah ini bertujuan untuk mengenai pasti struktur ayat pasif dalam *teks Hikayat Abdullah* karya Abdul Kadir Munsyi. Selain itu, kajian ini turut bertujuan untuk menganalisis struktur ayat pasif dalam *teks Hikayat Abdullah* karya tersebut. Dari sudut metodologi, kajian ini memanfaatkan kaedah analisis kandungan dokumen untuk mencuplik data-data ayat pasif dan memanfaatkan teori Ubah-Alfa (Ubah- α) dalam model kerangka teori Kuasaan dan Tambatan (1981) untuk menghuraikan data struktur ayat pasif. Hasil kajian memperlihatkan lapan jenis struktur ayat pasif yang digunakan dalam *teks Hikayat Abdullah* yang terdiri daripada (i) struktur ayat pasif berimbuhan *di-*, (ii) struktur ayat pasif berimbuhan apitan *ke-...-an*, (iii) struktur ayat pasif berimbuhan *ter-*, (iv) struktur ayat pasif dengan kata ganti nama, (v) struktur ayat pasif dengan kata *kena*, (vi) struktur ayat pasif semu, (vii) struktur ayat pasif pendepanan frasa kerja, dan (viii) struktur ayat pasif tanpa frasa nama subjek. Di samping itu, kajian ini berjaya membuktikan struktur luaran kelapan-lapan jenis struktur ayat pasif ini diterbitkan daripada struktur dalamannya yang juga bersifat pasif. Yang menariknya, kajian ini turut membincangkan ayat pasif semu yang belum pernah dibincangkan pengkaji terdahulu yang memanfaatkan teori Ubah- α . Kesimpulannya, kajian ini merupakan kajian linguistik Melayu yang menarik dan saintifik untuk diselidik kerana data ayat bahasa Melayu klasik yang kompleks dapat ditinjau secara ilmiah. Hal ini secara langsung akan menjadikan kajian ini sebagai kosa ilmu bahasa Melayu dengan penelitian linguistik terhadap penulisan masyarakat Melayu klasik yang mempunyai nilai kepentingannya yang tersendiri.

Kata kunci: Ayat pasif; Teori Ubah-alfa; Kuasaan dan Tambatan; Sintaksis; *Hikayat Abdullah*

IDENTIFICATION OF PASSIVE SENTENCE STRUCTURES IN *HIKAYAT ABDULLAH*

ABSTRACT

This scientific study is to identify the passive structures of sentences in the text of *Hikayat Abdullah* by Abdul Kadir Munsyi. In addition, this study also analyses passive structures in sentences in the text of *Hikayat Abdullah* by Abdul Kadir Munsyi. From a methodological point of view, this study utilises the document content analysis method to extract passive sentence data and applies Move-Alpha (Move- α) in the Government and Binding Theory (1981) framework model to analyse passive sentence data. The results show that there are eight types of passive sentence structures used in the text of *Hikayat Abdullah*, which consist of (i) *di-* passive sentence structure (ii) *ke-...-an* passive sentence structure, (iii) *ter-* passive sentence structure, (iv) passive sentence structure with pronouns, (v) passive sentence structure with *kena* word structure, (vi) *semu* passive sentence structure, (vii) verb phrase-fronting in passive sentence, and (viii) passive sentence structure without subject noun phrases. Moreover, this study proved that the external structure of these eight types of passive sentence structures is derived from their internal structures, which are already in passive form. Interestingly, this study uses the Move- α theory to discuss passive *semu* sentences that previous researchers have never discussed. This study is an interesting and scientific study of Malay linguistics to be researched because the complex classical Malay sentence data can be reviewed scientifically. This will directly make this study a Malay language writing source along with linguistic research with its own significant values.

Keywords: Passive sentence; Move-Alpha Theory; Government and Binding; Syntax; *Hikayat Abdullah*

PENDAHULUAN

Pelbagai kajian sintaksis telah dijalankan sejak bahasa ditinjau dan diselidik secara saintifik oleh para ahli linguistik. Dalam hal ini, kajian ayat pasif bahasa Melayu (BM) merupakan skop kajian yang semakin hari semakin memperlihatkan signifikan perbincangan dalam kalangan pengkaji linguistik baru-baru ini. Walau bagaimanapun, skop kajian ayat pasif BM ini masih mempunyai ruang tinjauan yang luas untuk mengisi kelemahan dapatan yang ditinggalkan oleh pengkaji terdahulu. Keadaan ini menyebabkan tinjauan ayat pasif BM masih dalam tahap yang tidak komprehensif. Untuk menghasilkan dapatan yang berpadu, penghuraian terhadap beberapa permasalahan dan kelemahan kajian terdahulu perlu digariskan dengan jelas. Pada sisi sumber bahan kajian, *Hikayat Abdullah* dilihat sebagai bahan sumber yang mempunyai signifikansi yang tinggi dalam dunia penulisan BM. Tulisan ini bukan sahaja memperlihatkan data-data struktur ayat pasif BM klasik yang amat menarik untuk dikaji tetapi juga memperlihatkan refleksi pemikiran dan sifat masyarakat Melayu pada abad ke-19.

PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan utama dalam ayat pasif merupakan variasi pemahaman terhadap penerbitan atau penjaanan ayat pasif dalam kalangan pengkaji sintaksis. Dalam perbincangan ini, beberapa pengkaji berpendapat bahawa ayat pasif diterbitkan atau dijanakan daripada ayat aktif. Antara pengkaji yang berpendapat sedemikian adalah seperti Chomsky (1957), Zaba (1965), Jacobs dan

Rosenbaum (1968), Nik Safiah et al. (1986), dan Abdul Hamid Mahmood (1992). Hasil penerbitan ayat pasif daripada ayat aktif ini merupakan idea proses transformasi ayat pasif yang dikemukakan oleh Chomsky dalam bukunya yang bertajuk *Syntactic Structures* (1957). Dalam proses ini, konstituen frasa nama (FN) objek digerakkan ke posisi subjek manakala konstituen FN subjek digerakkan ke posisi predikat. Selain itu, morfen terikat awalan kata kerja (KK) mengalami derivasi morfologi kepada imbuhan awal *di-*. Akhirnya, kata preposisi *oleh* hadir secara opsyenal dalam ayat pasif 1. Contohnya, ayat pasif 1 diterbitkan daripada ayat aktif 2 berikut:

1. Anjing dipukul oleh Ali.
2. Ali memukul anjing.

Namun begitu, hujah terhadap ayat pasif 1 yang diterbitkan daripada ayat aktif 2 melalui proses transformasi pasif didapati lemah dan lompong. Hal ini dikatakan demikian kerana pendapat mengenai penerbitan ayat pasif ini ditemui kelemahan oleh pengkaji-pengkaji sintaksis yang lain. Pengkaji-pengkaji yang mempunyai pandangan berbeza ini telah menghujahkan pemahaman penjanaan ayat pasif yang baharu melalui teori-teori sintaksis yang lebih berpada modelnya. Teori-teori ini telah menyebabkan keabsahan pendapat ayat pasif pertama ini dipersoalkan.

Pada sisi lain, pengkaji yang mempunyai pendapat berbeza adalah seperti Chomsky (1981), Mashudi Kader (1991), Kartini Abd. Wahab (2013; 2018), Amir Hatin Asmali Jauhari dan Nasrun Alias (2018), dan Norshaliza bin Ramli dan Norfazlia Ab. Hamid (2020). Kesemua pengkaji ini mempercayai bahawa ayat pasif diterbitkan daripada struktur dalamannya (seterusnya SD) yang juga bersifat pasif. Pernyataan ini terbukti lebih relevan dan empirikal dari sudut sintaksisnya jika dibandingkan dengan pandangan yang konvensional. Hal ini dikatakan demikian kerana data ayat pasif yang dicuplik (sama ada daripada teks moden ataupun teks klasik) telah diuji dengan teori yang lebih ekonomik dan saintifik. Pengkajian ayat pasif secara saintifik ini telah mempersoalkan kepersisan penjanaan ayat pasif yang diterbitkan daripada ayat aktif. Oleh hal yang demikian, dengan menggunakan kerangka teori sintaksis, iaitu teori Kuasaan dan Tambatan (1981), pengkaji seperti Chomsky (1981), Mashudi Kader (1991), Kartini Abd. Wahab (2013; 2018), Amir Hatin Asmali Jauhari dan Nasrun Alias (2018), dan Norshaliza bin Ramli dan Norfazlia Ab. Hamid (2020) telah membuktikan ayat pasif diterbitkan daripada struktur dalamannya yang bersifat pasif. Pandangan yang kedua ini menjadi dominan apabila persoalan-persoalan ayat pasif dalam teori versi awal berjaya diselesaikan dan dijawab dalam teori Kuasaan dan Tambatan (KT) yang bersifat lebih komprehensif.

Di samping itu, terdapat permasalahan yang lain dalam kajian ayat pasif bahasa Melayu. Berdasarkan kajian-kajian terdahulu, pengkaji yang menggunakan teori Kuasaan dan Tambatan masih belum membincangkan data ayat pasif semu bahasa Melayu dengan jelas. Kebanyakan pengkaji terdahulu ini cenderung menganalisis aktiviti pergerakan Ubah-Alfa dengan menggunakan data ayat pasif jati. Antara pengkaji-pengkaji tersebut adalah seperti Kartini Abd. Wahab (2013), Amir Hatin dan Nasrun Alias (2018), dan Norshaliza bin Ramli dan Norfazlia Ab. Hamid (2020). Dengan erti kata lain, ayat pasif semu BM masih jarang dibincangkan oleh para sarjana melainkan Kartini Abd. Wahab (2018) yang pernah menjalankan kajian terhadap ayat pasif semu bahasa Melayu dengan menggunakan teori Program Minimalis. Isu kedua ini mendatangkan dua persoalan besar dalam kajian ayat pasif bahasa Melayu, iaitu (i) adakah teori Kuasaan dan Tambatan (KT) tidak mampu membincangkan struktur ayat pasif semu BM, dan (ii) kelemahan pengkaji terdahulu dalam menganalisis ayat pasif semu pada tahap eksplanatori.

TINJAUAN LITERATUR

Berdasarkan tinjauan literatur, dua pandangan mengenai penjaan ayat pasif oleh pengkaji-pengkaji lepas dapat digariskan. Pandangan pertama merupakan pandangan mengenai ayat pasif diterbitkan daripada SDnya yang bersifat aktif. Tokoh-tokoh watan yang mendukung pandangan ini dengan kuat adalah seperti Zaba (1965), Nik Safiah Karim et. Al (1986), dan Abdul Hamid Mahmood (1992). Tokoh-tokoh antarabangsa yang mendukung pandangan pertama ini pula adalah seperti Chomsky (1957), dan Jacobs dan Rosenbaum (1968). Dalam pada itu, pandangan dan pernyataan Nik Safiah et al. (1986) terhadap ayat pasif mempunyai kecenderungan dan penggunaan yang luas dalam silibus kurikulum bahasa Melayu di Malaysia. Walau bagaimanapun, pandangan kesemua pengkaji di atas terhadap pengkajian ayat pasif secara saintifik telah berhadapan masalah apabila kelemahan-kelemahan di sebalik hujah mereka telah dikenal pasti oleh beberapa pengkaji lain. Dalam hal ini, pendekatan KT 1981 (yang dimanfaatkan oleh beberapa pengkaji lain) berjaya membuktikan bahawa hujahan terhadap ayat pasif yang diterbitkan daripada SDnya yang bersifat aktif merupakan hujahan yang tidak relevan sekali.

Pandangan kedua merupakan pandangan mengenai ayat pasif diterbitkan daripada SDnya yang bersifat pasif. Pandangan ini wujud pada tahun 1981 dengan adanya teori KT yang dipelopori oleh Chomsky. Bukan itu sahaja, beliau telah memansuhkan teori versi pertamanya yang bertajuk *Syntactic Structures* (1957) kerana beliau mendapati bahawa proses transformasi (pasif) yang melahirkan sesebuah ayat (pasif) berhadapan dengan beberapa masalah. Masalah-masalah yang berlaku pada model TG (1957; 1965) dan kuasa transformasi ayat yang tidak mempunyai kekangan menyebabkan Chomsky melakukan rombakan teorinya secara besar-besaran pada tahun (1981) Seiring dengan evolusi teorinya, beliau mengalihkan pandangannya mengenai ayat pasif selepas teori KT (1981) diperkenalkan untuk menyelesaikan masalah sintaksis. Dalam teori baharu ini, beliau berpandangan bahawa ayat pasif diterbitkan daripada SDnya yang juga bersifat pasif. Namun begitu, pandangan beliau tidak berkembang dengan luas dan sebahagian kecil pengkaji linguistik sahaja yang berupaya memerihalkan konsep ayat pasif baharu ini khususnya dalam kalangan pengkaji watan. Hal ini dikatakan demikian kerana teori TG ini berunsurkan matematik dan kerangka pengkajian yang bersifat saintifik sekali gus memerlukan pemahaman berfikir berasas tinggi. Pengkaji-pengkaji watan yang berpegang terhadap pandangan terhadap ayat pasif diterbitkan daripada SDnya yang juga bersifat pasif adalah seperti Mashudi Kader (1991), Kartini Wahab (2013; 2018), Amir & Nasrun (2018), dan Ramli dan Norfazlia Ab. Hamid (2020).

Lembaran pandangan baharu ini telah membuka peluang kepada pengkaji watan untuk mengkaji ayat pasif dalam teks Melayu klasik dan moden dengan berdasarkan teori KT. Dalam konteks linguistik saintifik, variasi pandangan ini merupakan peluang yang dapat dimanfaatkan oleh pengkaji-pengkaji lain untuk meninjau struktur ayat pasif bahasa Melayu dengan lebih komprehensif. Hal ini dikatakan demikian kerana kebanyakan kajian ayat pasif yang pernah dilakukan oleh pengkaji terdahulu belum mencapai kesepakatan pendapat disebabkan kecenderungan skop pengkajian dan pendekatan yang berbeza. Tambahan pula, ayat-ayat pasif dalam teks Melayu klasik lazimnya dianalisis dengan teori-teori yang telah dibuktikan kelemahannya seperti aliran Strukturalisme dan teori TG versi awal (*Syntactic Structures*).

METODOLOGI

Terdapat dua jenis kaedah yang digunakan oleh pengkaji semasa menjalankan kajian ayat pasif ini. Kaedah tersebut adalah kaedah kualitatif dan kaedah kuantitatif. Kedua-dua kaedah kualitatif

dan kuantitatif telah dipilih sebagai pendekatan yang digunakan dalam kajian ini. Asas andaian kombinasi kaedah ini boleh menjadikan persoalan kajian lebih komprehensif berbanding dengan menggunakan hanya satu kaedah kajian sahaja, sama ada kualitatif atau kuantitatif (Creswell & Plano Clark 2007). Dalam kajian ayat pasif ini, kaedah kajian kualitatif diterapkan untuk menyempurnakan kajian yang berorientasikan subjektif dan interpretif. Di samping itu, kaedah kajian kuantitatif diaplikasikan untuk memudahkan pengkaji mengklasifikasikan, mengira dan merumuskan data ayat pasif dalam bentuk peratusan supaya data ayat pasif yang mempunyai kepelbagaian bentuk dapat dikenal pasti. Pada masa yang sama, kajian kepustakaan turut diterapkan. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan maklumat berdasarkan carian dan dapatan daripada data kajian lepas yang dilakukan oleh pengkaji terdahulu mengenai topik kajian yang berkaitan. Kemudiannya, pengkaji boleh merujuk dan menganalisis kajian lepas tersebut untuk membentuk kajian yang lebih komprehensif. Dalam hal ini, informasi berkaitan dengan kajian struktur ayat pasif yang berfokuskan kajian teks-teks Melayu klasik telah dirujuk.

Untuk menyempurnakan kajian ini, teks bertajuk *Hikayat Abdullah* yang ditulis oleh Abdullah Munsyi digunakan sebagai teks kajian. Teks yang dipilih ini merupakan Karya Agung, Edisi Ke-3 yang telah dikaji dan diperkenalkan oleh Kasim Ahmad (2008) berdasarkan naskah cap batu yang tersimpan di Perpustakaan Institut Antarabangsa Pemikiran dan Tamadun Islam (ISTAC). Teks *Hikayat Abdullah* ini menceritakan pemikiran dan kritikan Abdullah Munsyi terhadap kehidupan masyarakat Melayu yang berlaku pada abad ke-19. Pada zaman itu, acuan fikiran dan kepercayaan yang dipraktikkan oleh orang Melayu adalah tidak progresif. Abdullah yang dianggap sebagai pengkritik sosial pada zamannya telah membandingkan kemajuan orang Barat dengan kemunduran orang Melayu. Tindakan ini menyebabkan ramai beranggapan bahawa beliau sedang mengagung-agungkan tamadun Barat walaupun beliau seolah-olah cuba membawa wawasan baharu kepada masyarakat Melayu. Sebenarnya, Abdullah pernah melakukan kritikan-kritikan terhadap orang Barat juga di samping niatnya yang ingin membawa wawasan baharu kepada masyarakat Melayu melalui beberapa kritiknya.

Setiap bahasa mempunyai fungsi dan penggunaannya dalam konteks formal dan informal. Dalam hal ini, sifat penggunaan bahasa dalam teks *Hikayat Abdullah* memperlihatkan penggunaan bahasa yang informal. Hal ini dikatakan demikian kerana bahasa yang ditulis dalam teks klasik ini bersifat kolokial. Dengan erti kata lain, ayat-ayat yang ditulis dalam teks *Hikayat Abdullah* lazimnya daripada sumber percakapan. Oleh sebab penggunaan bahasa teks ini dipengaruhi oleh unsur kolokial, maka banyak bahagian subjek yang telah digugurkan dalam ayat. Ayat-ayat seperti ini pula dikategori dalam struktur ayat pasif tanpa frasa nama (FN) subjek. Hal ini dikatakan demikian kerana unsur subjek yang ada pada ayat seperti ini sebenarnya sedang merujuk kepada FN subjek yang ada pada ayat-ayat sebelumnya. Sebagai contoh, ayat *...didengar oleh orang lain* (P20B28) merupakan struktur ayat pasif tanpa FN subjek. Namun begitu, subjeknya masih dapat dikesan pada ayat sebelumnya, iaitu ayat *...sampai mereka itu selat, lipat ganda untungnya* (P20B28). Jika ditransformasikan ke bahasa Melayu moden, subjek pada ayat P20B28 mungkin adalah berbunyi [*berita mengenai keuntungan yang berlipat ganda itu*]_{subjek} [*didengar oleh orang lain*]_{predikat}.

5 halaman pada bahagian awal buku, 5 halaman pada bahagian tengah buku dan 5 halaman pada bahagian akhir buku dipilih sebagai perwakilan data-data ayat kepada keseluruhan teks *Hikayat Abdullah* yang setebal 353 halaman ini. Setiap ayat daripada 15 halaman ini diteliti dan ditinjau untuk mengenal pasti pola-pola ayat pasif klasik. Kemudiannya, teknik diterapkan dalam kajian ayat pasif ini. Teknik ini berfungsi untuk mengekodkan atau melabelkan data-data ayat dengan simbol dan angka untuk memudahkan tugas penganalisan. Oleh hal yang demikian, selepas pengkaji mencuplik data-data ayat pasif, data-data ayat pasif ini dilabelkan dengan simbol-simbol khas. Simbol-simbol khas ini dilabelkan pada data-data ayat pasif berdasarkan giliran perenggan yang diwakili dengan simbol (P) dan diikuti oleh giliran nombor baris yang diwakili oleh simbol (B) untuk merujuk kepada kedudukan data tersebut. Contohnya, data ayat pasif yang terdapat pada perenggan ke-11 dan pada baris ke-13 akan dilabelkan simbolnya

sebagai P11B13. Akhirnya, pola-pola ayat pasif yang dicuplik ini akan dianalisis dengan menggunakan teori Ubah-Alfa (Ubah- α).

TEORI UBAH-ALFA (UBAH- α)

Pada versi teori TG yang awal, teori Ubah-Alfa atau Ubah- α dikenali sebagai proses transformasi. Proses transformasi ini merupakan komponen yang menghubungkan struktur dalaman (SD) dan struktur luaran (SL) dengan rumus-rumus transformasi. Dalam kes bahasa Melayu, Nik Safiah Karim menyatakan bahawa bahasa Melayu mempunyai 3 jenis rumus proses transformasi, iaitu (i) proses pengguguran, (ii) proses peluasan dan (iii) proses penyusunan semula. Namun, kesemua rumus proses transformasi ini merupakan proses yang tidak mempunyai kekangan. Ketiadaan kekangan untuk mengawal kuasa generatif ayat akibat daripada sesuatu transformasi akan menyebabkan hasil transformasi pada struktur SL tidak berpeda. Sehubungan itu, Chomsky (1981) telah memperkenalkan teori Ubah- α dalam kerangka teori KT untuk menggantikan proses transformasi yang lama. Dalam teori Ubah- α , rumus transformasi yang berbagai-bagai telah diwakili oleh satu jenis transformasi sahaja, iaitu transformasi Ubah- α . Dengan erti kata lain, rumus transformasi lama seperti proses transformasi pempasifan, proses transformasi penyongsangan dan proses transformasi yang lain-lain telah disingkirkan dengan kehadiran teori Ubah- α .

Secara umumnya, teori Ubah- α merupakan teori yang akan mengendalikan transformasi konstituen dari satu kedudukan ke kedudukan yang lain dengan menyertakan beberapa syarat kekangan sewaktu proses transformasi ayat berlaku (Noam Chomsky, 1986). Dengan erti kata lain, teori ini beroperasi ke atas ayat pada peringkat transformasi dari struktur dalaman ke struktur luaran sesebuah ayat (Amir Asmali & Nasrun Alias 2018). Kekangan syarat-syarat ini berfungsi untuk mengawal penerbitan ayat yang ditransformasikan dalam keadaan yang gramatis dan berpeda. Chomsky (1986) menyatakan kekangan syarat-syarat teori Ubah- α ini adalah seperti berikut:

- i. Tiada pergerakan ke posisi komplemen; pergerakan hanya berlaku dari kanan ke kiri ayat.
- ii. Hanya kepala atau projeksi minimal (X^0) boleh bergerak ke posisi kepala.
- iii. Hanya projeksi maksimal (X^n) sahaja boleh bergerak ke posisi spesifikier.
- iv. Hanya projeksi minimal dan projeksi maksimal (X^0 dan X^n) sahaja boleh menjalani rumus Ubah- α .

Setiap pergerakan konstituen akan meninggalkan tikas atau *trace* (t) dalam struktur sesebuah ayat. Di samping itu, Chomsky mengemukakan Tapisan Kasus untuk memastikan kegramatisan ayat. Dengan erti kata lain, semua FN yang nyata pada SL ayat, iaitu FN yang mempunyai pewujudan fonetik perlulah ditandakan kasusnya. Dengan ini, setiap FN yang mengalami pergerakan untuk mencari kasusnya dalam sesebuah ayat perlulah mematuhi syarat teori Ubah- α dalam proses transformasinya untuk menjamin ciri kegramatisan. Contoh pengaplikasian rumus Ubah- α adalah seperti berikut:

3. *[k] telah diserang Ukraine oleh Rusia.
4. Ukraine telah diserang t_i oleh Rusia.



Ubah- α

Berdasarkan kedua-dua ayat di atas, ayat 3 merupakan SD untuk ayat 4. Pada SD, posisi subjek ayat 3 merupakan kosong atau [k] tanpa kehadiran apa-apa elemen. Oleh itu, ayat 3 pada SD ini dianggap tidak gramatis kerana struktur ayatnya tidak memenuhi syarat Tapisan Kasus. Hal ini dikatakan demikian kerana KK *diserang* telah menerima imbuhan pasif *di-* sekali gus menyebabkannya menjadi lemah untuk menandakan kasus objektif kepada FN objek *Ukraine* yang bersebelahan dengannya. Dengan ini, FN *Ukraine* pada ayat 3 perlu bergerak ke posisi yang bersesuaian untuk menerima penandaan kasus. Posisi yang paling sesuai untuk diduduki oleh FN *Ukraine* adalah posisi [k]. Pergerakan FN *Ukraine* ini perlu digerakkan dengan berteraskan rumus transformasi Ubah- α . Pada posisi [k] ini, FN *Ukraine* menerima penandaan kasus nominatif yang ditandakan oleh nodus infleksi (INFL). Pergerakan FN *Ukraine* ini meninggalkan [t_i] pada posisi asalnya.

Ringkasnya, kerangka teori KT, iaitu teori Ubah- α akan dimanfaatkan untuk membincangkan pergerakan atau transformasi yang berlaku dalam data-data ayat pasif dalam teks *Hikayat Abdullah* karya Abdul Kadir Munsyi.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Variasi Struktur Ayat Pasif dalam Teks Klasik *Hikayat Abdullah*

Variasi struktur ayat pasif yang terkandung dalam teks klasik *Hikayat Abdullah* karya Abdul kadir Munsyi akan diklasifikasikan dengan berdasarkan beberapa jenis struktur general yang telah dipolakan. Kehadiran variasi struktur ayat pasif dalam teks klasik *Hikayat Abdullah* ini akan dipadankan dengan variasi struktur pasif yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh bahasa Melayu sebelum ini. Selanjutnya, kesemua variasi struktur pasif ini akan diselidik kekerapan kehadirannya dalam bentuk matematikal. Akhirnya, setiap data variasi struktur ayat pasif akan diteliti dengan mendalam mengikut pengklasifikasian yang telah dilakukan.

Kekerapan Penggunaan Ayat Pasif Berdasarkan Jenis Struktur Ayatnya dalam Teks *Hikayat Abdullah*

Berdasarkan kutipan data daripada lima belas halaman dalam teks *Hikayat Abdullah* karya Abdul Kadir Munsyi sebagai perwakilan kepada keseluruhan teks, sebanyak seratus tiga puluh ayat pasif yang telah ditemui dan dicuplik. Kemudiannya, ayat-ayat pasif yang dicuplik ini diberikan pelabelan dan diklasifikasikan dengan berdasarkan jenis strukturnya. Kesemua seratus tiga puluh data ayat pasif ini pula diklasifikasikan dalam lapan jenis struktur general yang berbeza. Struktur-struktur general itu merangkumi (i) struktur ayat pasif berimbuhan *di-*, (ii) struktur ayat pasif berimbuhan apitan *ke-...-an*, (iii) struktur ayat pasif berimbuhan *ter-*, (iv) struktur ayat pasif dengan kata ganti nama, (v) struktur ayat pasif dengan kata *kena*, (vi) struktur ayat pasif semu, (vii) struktur ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja, dan (viii) struktur ayat pasif tanpa FN subjek.

Penggunaan struktur ayat yang paling dominan adalah struktur ayat pasif berimbuhan *di-* dengan kuantiti data ayat sebanyak 38 (29.23%) dalam teks *Hikayat Abdullah*. Secara kontrasnya, penggunaan struktur ayat pasif yang paling rendah adalah struktur ayat pasif semu dengan kuantiti data ayat sebanyak 3 (2.31%) dalam teks *Hikayat Abdullah*. Pada masa yang sama, struktur ayat pasif tanpa frasa nama subjek mencatatkan kuantiti sebanyak 33 (20.78%) diikuti struktur ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja yang mencatatkan kuantiti data ayat sebanyak 27 (20.78%) dalam teks *Hikayat Abdullah*. Kemudiannya, struktur ayat pasif kata ganti nama mencatatkan kuantiti data ayat sebanyak 13 (10%) diikuti struktur ayat pasif berimbuhan apitan *ke-...-an* yang mencatatkan kuantiti data ayat sebanyak 8 (6.15%) dalam teks *Hikayat Abdullah*. Akhir sekali,

struktur ayat pasif berimbuhan *ter-* mencatatkan kuantiti data ayat sebanyak 4 (3.08%) diikuti ayat pasif dengan kata *kena* yang mencatatkan kuantiti data ayat sebanyak 4 (3.07%) dalam teks *Hikayat Abdullah*. Kekekapan penggunaan setiap struktur ayat pasif yang diklasifikasikan ini dipersembahkan dalam Rajah 1 yang berikut:



RAJAH 1: Kekerapan Penggunaan Ayat Pasif Berdasarkan Jenis Struktur Ayatnya dalam Teks *Hikayat Abdullah*

Struktur Ayat Pasif dalam Teks *Hikayat Abdullah* Struktur Ayat Pasif Berimbuhan *di-*

Menurut Nik Safiah Karim (2008), imbuhan awalan *di-* merupakan imbuhan awalan yang digabungkan dengan kata dasar untuk membentuk kata kerja pasif bagi ayat yang subjek asalnya terdiri daripada pelaku orang ketiga. Lazimnya, struktur ayat pasif berimbuhan *di-* ini akan diikuti kata preposisi (KP) *oleh* sebagai unsur opsyenal. Berdasarkan kutipan data dalam teks *Hikayat Abdullah*, penggunaan struktur ayat pasif berimbuhan *di-* ini dapat dibahagikan dalam tiga variasi yang berlainan seperti berikut:

- a. FN + $\left\{ \begin{array}{c} \text{penegas} \\ \text{nafi} \\ \text{penguat} \end{array} \right\} + \text{di-K-} \left\{ \begin{array}{c} -\text{i} \\ -\text{kan} \end{array} \right\} + (\text{enklitik}) + (\text{KP}) + (\text{FN}) + (\text{Adv})$
- b. $\left\{ \begin{array}{c} \text{KK} \\ \text{FN} \end{array} \right\} + \text{KH relatif} + \left\{ \begin{array}{c} \text{KB} \\ \text{nafi} \end{array} \right\} + (\text{Adv}) + \text{di-K-} \left\{ \begin{array}{c} -\text{i} \\ -\text{kan} \end{array} \right\} + (\text{enklitik}) + (\text{KP}) + \text{FN}$
- c. (FN) + diper-K-kan + (enklitik) + (KP) + (FN)

Antara contoh ayat yang mempunyai struktur di atas ialah:

1. orang terserempak didapatinya dengan senangnya. (P22B9)
2. segala benda yang tersebut itulah yang terlalu dikasihinya. (P26B2)
3. aku diperanakan oleh ibunya. (P1B5)

Struktur Ayat Pasif berimbuhan apitan *ke-...-an*

Struktur ayat pasif ini menandakan ayat pasif yang kata kerjanya diapitkan imbuhan apitan *ke-...-an*. Berdasarkan kutipan data dalam teks *Hikayat Abdullah*, terdapat satu sahaja variasi penggunaan struktur ayat pasif berimbuhan apitan *ke-...-an* seperti berikut:

- a. (FN) + (penegas) + ($\left\{ \begin{matrix} \text{KB} \\ \text{nafi} \end{matrix} \right\}$) + ke-K-an + (KP) + (FN)

Antara contoh ayat yang mempunyai struktur di atas ialah:

1. ia boleh kelihatan orang-orang. (P22B8)

Struktur Ayat Pasif Berimbuhan *ter-*

Struktur ayat pasif ini menandakan ayat pasif yang kata kerjanya menerima kata kerja pasif berimbuhan awalan *ter-*. Berdasarkan kutipan data dalam teks *Hikayat Abdullah*, terdapat satu sahaja variasi penggunaan struktur ayat pasif berimbuhan awalan *ter-* seperti berikut:

- a. (FN) + (KB) + ter-K + (KP) + (FN)

Antara contoh ayat yang mempunyai struktur di atas ialah:

1. kapal itu sudah terbakar. (P31B8)

Struktur Ayat Pasif dengan Kata Ganti Nama

Struktur ayat pasif ini mendahulukan kata ganti nama diri di hadapan kata kerja dasarnya. Tambahan pula, kata ganti nama yang hadir dalam struktur ayat pasif teks *Hikayat Abdullah* merangkumi kata ganti nama diri orang pertama sahaja. Yang menariknya, kesemua data ayat pasif kata ganti nama diri orang pertama yang ditemui ini merupakan kata ganti nama diri orang yang berbentuk proklitik. Berdasarkan kutipan data dalam teks *Hikayat Abdullah*, terdapat satu sahaja variasi penggunaan struktur ayat pasif dengan kata ganti nama seperti berikut:

- a. (FN) + (KB) + (KK) + KGN proklitik-K- $\left\{ \begin{matrix} -i \\ -kan \end{matrix} \right\}$ + (KK) + (KSN) + FN

Antara contoh ayat yang mempunyai struktur di atas ialah:

1. surat yang tersebut itu adalah kudapati dalam peti tulis bapaku. (P7B9)

Struktur Ayat Pasif *Kena*

Menurut Nik Safiah Karim (2008), ayat pasif jenis ini mengandungi perkataan *kena* di hadapan kata kerja pasif yang tidak menerima imbuhan awalan. Berdasarkan kutipan data dalam teks *Hikayat Abdullah*, terdapat satu variasi penggunaan struktur ayat pasif *kena* seperti berikut:

- a. (A) + (FN) + (KH) + (KA) + *kena* + K + (pent)

Antara contoh ayat yang mempunyai struktur di atas ialah:

1. riuh-rendahlah bunyi penyapu sebab takut kena denda itu. (P15B19)

Struktur Ayat Pasif Semu

Struktur ayat pasif semu merupakan struktur ayat yang tidak pernah dibincangkan bawah teori Kuasaan dan Tambatan. Sebelum ini, terdapat satu kajian sintaksis sahaja yang dilakukan oleh Kartini Abd Wahab (2018) dengan menggunakan teori Minimalis Program. Hal ini meninggalkan persoalan terhadap kemampuan teori Kuasaan dan Tambatan (khususnya teori Ubah-Alfa) dalam membincangkan proses transformasi dalam ayat pasif semu. Tambahan pula, ayat pasif semu dalam *Hikayat Abdullah* tidaklah banyak ditemui. Oleh itu, kajian ini akan mengambil langkah inisiatif untuk menghuraikan proses transformasi ayat pasif semu (akan dilanjutkan pada bahagian seterusnya). Berdasarkan kutipan data dalam *teks Hikayat Abdullah*, terdapat satu sahaja variasi penggunaan struktur ayat pasif semu seperti berikut:

- a. (FN) + (nafi) + KGN I + K- $\left\{ \begin{array}{c} -kan \\ -i \end{array} \right\}$ + (KSN) + (FN)

Antara contoh ayat yang mempunyai struktur di atas ialah:

1. budi bahasa Tuan Raffles itu tiadalah aku dapati. (P27B14)

Struktur Ayat Pasif dengan Pendepanan Frasa Kerja

Struktur ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja merupakan ayat yang mengalami penyusunan semula. Maknanya, ayat pasif ini akan terbina melalui proses pendepanan frasa kerja untuk menjana ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja. Secara umumnya, proses pendepanan frasa kerja ini melibatkan pendepanan konstituen predikat ke bahagian hadapan ayat. Dengan erti kata lain, proses ini dapat menjadikan posisi subjek dan predikat asal berpindah posisi secara berlawanan hingga menjana ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja. Berdasarkan kutipan data dalam *teks Hikayat Abdullah*, penggunaan struktur ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja ini dapat dibahagikan dalam tiga variasi yang berlainan seperti berikut:

- a. Struktur Pasif dengan Pendepanan Frasa Kerja + $\left\{ \begin{array}{c} KB \\ nafi \end{array} \right\}$ + di-K- $\left\{ \begin{array}{c} -i \\ -kan \end{array} \right\}$ + (enklitik) + (KSN) + (FN) + (A) + (Adv)
- b. Struktur Pasif dengan Pendepanan Frasa Kerja + diper-K-kan + (KSN) + FN
- c. Struktur Pasif dengan Pendepanan Frasa Kerja + Adv + K-kan + (FN) + (KSN) + FN

Antara contoh ayat yang mempunyai struktur di atas ialah:

1. sudah dinaikannya bendera Inggeris. (P20B14)
2. diperisterikan oranglah akan dia. (P2B7)
3. nanti sebutkan nama encik pun dalam kitab-kitab itu. (P26B25)

Struktur Ayat Pasif tanpa Frasa Nama Subjek

Lazimnya, ayat-ayat bahasa Melayu moden digalakkan untuk menitikberatkan struktur ayat yang mempunyai subjek dan predikat khususnya dalam konteks bahasa formal. Pada masa yang sama, ayat pasif merupakan ayat yang mementingkan subjek yang menerima akibat daripada perbuatan kata kerja. Walau bagaimanapun, sesetengah struktur ayat bahasa Melayu kadangkala tidak mempunyai subjek yang nyata ataupun subjek tersebut digugurkan. Struktur ayat pasif tanpa frasa

nama ini dapat ditinjau dalam penulisan teks klasik *Hikayat Abdullah* walaupun kehadirannya agak rendah dalam bahasa Melayu moden. Hal ini bukan sahaja menunjukkan keunikan struktur bahasa masyarakat Melayu pada abad ke-19 tetapi juga menjadi tinjauan gaya penulisan bahasa Melayu suatu ketika dahulu. Secara umum, struktur ayat pasif tanpa frasa nama ini merupakan ayat pasif yang subjeknya kosong dan diikuti oleh frasa kerja pasif dalam predikat ayat. Dengan erti kata lain, pada perspektif teori Teta, ayat pasif ini tidak mempunyai penderita nyata yang menerima kesan perbuatan daripada kata kerja. Berdasarkan kutipan data dalam teks *Hikayat Abdullah*, penggunaan struktur ayat pasif tanpa frasa nama subjek ini dapat dibahagikan dalam dua variasi yang berlainan seperti berikut:

- a. Struktur Pasif tanpa FN subjek + (KB) + (KA) + di-K- $\left\{ \begin{matrix} -kan \\ -i \end{matrix} \right\}$ + (enklitik) + $\left\{ \begin{matrix} KA \\ KK \end{matrix} \right\}$ + (KSN) + (FN)
- b. Struktur Pasif tanpa FN subjek + K-kan + KP + FN

Antara contoh ayat yang mempunyai struktur di atas ialah:

1. diadukannya kepada Allah. (P15B14)
2. dengarkan olehmu. (P1B1)

PERBINCANGAN


Analisis Struktur Ayat Dalam *Hikayat Abdullah* Berdasarkan Teori Ubah- α

Dapatan struktur ayat-ayat pasif yang ditemui dalam teks *Hikayat Abdullah* sebelum ini akan dianalisis dengan menggunakan teori Ubah- α agar penghujahan mengenai SL ayat pasif yang diterbitkan daripada SDnya yang sudah bersifat pasif dapat dibuktikan. Oleh itu, setiap struktur ayat pasif yang ditemui ini akan diwakili oleh satu contoh ayat sahaja untuk dianalisis menggunakan kerangka teori ini.

Analisis Struktur Ayat Pasif Berimbuhan *di-*

Data struktur ayat pasif berimbuhan *di-* yang dipilih adalah ayat *aku diperanakkan oleh ibuku*. SD bagi ayat ini adalah *diperanakkan anak oleh ibuku* berdasarkan rumus umum ayat pasif Mashudi Kader (1991). SD ayat pasif ini dianggap tidak gramatis kerana ayat tersebut tidak memenuhi syarat Tapisan Kasus. Dalam hal ini, frasa nama (FN) *ibuku* (N^{''}) sahaja ditandakan kasus oleh kata preposisi *oleh* (P). Walau bagaimanapun, kata kerja (KK) pasif *diperanakkan* (K) dalam ayat pasif ini dianalisis sebagai KK yang tidak dapat memberikan kasus objektif kepada FN *aku* (N^{''}). Hal ini dikatakan demikian kerana KK yang tidak mempunyai subjek atau argumen luar tidak dapat menandakan kasus dan teta kepada FN (Burzio 1986). Dengan erti kata lain, kata nama (KN) *anak* yang telah menerima penanda pasif *diper-...-kan* telah menyebabkannya lemah untuk menandakan kasus sedangkan KK ini pada asalnya merupakan KK transitif memerlukan FN objek sebagai komplemennya. Dalam hal ini, KK pasif *diperanakkan* tidak mampu menguasai FN *aku* sebagai objeknya. Untuk menerbitkan ayat pasif yang gramatis, FN *aku* mesti dipindahkan ke posisi lain untuk memenuhi syarat Tapisan Kasus. Posisi yang paling sesuai untuk menerima pemindahan FN *aku* adalah posisi subjek yang kosong. Menerusi Ubah- α , FN *aku* dipindahkan ke posisi subjek kosong tersebut dengan melangkau dua nodus (sesuatu frasa boleh


bergerak melangkaui lebih dari dua nodus ke arah frasa yang sama jenis dengannya). Kemudiannya, FN *aku* menerima kasus subjektif yang ditandakan oleh nodus infleksi (I) dan meninggalkan tikas (*t*) di posisi asalnya. Akhirnya, data struktur ayat pasif yang gramatis ini dapat diterbitkan pada SL melalui proses Ubah- α seperti yang Rajah 2 berikut:



RAJAH 2: Analisis Ubah- α Struktur Ayat Pasif *di-*

Analisis Struktur Ayat Pasif *ke-...-an*


Data struktur ayat pasif berimbuhan *ke-...-an* yang dipilih adalah ayat *orang itu ketakutan*. SD bagi ayat ini adalah *ketakutan orang itu* berdasarkan rumus umum ayat pasif Mashudi Kader (1991). SD ayat pasif ini dianggap tidak gramatis kerana ayat tersebut tidak memenuhi syarat Tapisan Kasus. Dalam hal ini, KK pasif *ketakutan* (K) dalam ayat pasif ini dianalisis sebagai KK yang tidak dapat memberikan kasus objektif kepada FN *orang itu* (N''). Hal ini dikatakan demikian kerana KK yang tidak mempunyai subjek atau argumen luar tidak dapat menandakan kasus dan teta kepada FN (Burzio 1986). Dengan erti kata lain, KK *ketakutan* yang telah menerima penanda pasif *ke-...-an* telah menyebabkannya lemah untuk menandakan kasus sedangkan KK ini pada asalnya merupakan KK transitif memerlukan FN objek sebagai komplementennya. Dalam hal ini, KK pasif *ketakutan* tidak mampu menguasai FN *orang itu* sebagai objeknya. Untuk menerbitkan ayat pasif yang gramatis, FN *orang itu* mesti dipindahkan ke posisi lain untuk memenuhi syarat Tapisan Kasus. Posisi yang paling sesuai untuk menerima permindahan FN *orang itu* adalah posisi subjek yang kosong. Menerusi Ubah- α , FN *orang itu* dipindahkan ke posisi subjek kosong tersebut dengan melangkaui dua nodus (sesuatu frasa boleh bergerak melangkaui lebih dari dua nodus ke arah frasa yang sama jenis dengannya). Kemudiannya, FN *orang itu* pun menerima kasus subjektif yang ditandakan oleh nodus infleksi (I) dan meninggalkan tikas (*t*) di posisi asalnya. Akhirnya, data struktur ayat pasif ini yang gramatis diterbitkan pada SL melalui proses Ubah- α seperti Rajah 3 yang berikut:



RAJAH 3: Analisis Ubah- α Struktur Ayat Pasif *ke...-an*

Analisis Struktur Ayat Pasif *ter-*


Data struktur ayat pasif berimbuhan *ter-* yang dipilih adalah ayat *kapal itu sudah terbakar*. SD bagi ayat ini adalah *sudah terbakar kapal itu* berdasarkan rumus umum ayat pasif Mashudi Kader (1991). SD ayat pasif ini dianggap tidak gramatis kerana ayat tersebut tidak memenuhi syarat Tapisan Kasus. Dalam hal ini, KK pasif *terbakar* (K) dalam ayat pasif ini dianalisis sebagai KK yang tidak dapat memberikan kasus objektif kepada FN *kapal itu* (N''). Hal ini dikatakan demikian kerana KK yang tidak mempunyai subjek atau argumen luar tidak dapat menandakan kasus dan teta kepada FN (Burzio 1986). Dengan erti kata lain, KK *bakar* yang telah menerima penanda pasif *ter-* telah menyebabkannya lemah untuk menandakan kasus sedangkan KK ini pada asalnya merupakan KK transitif memerlukan FN objek sebagai komplemennya. Dalam hal ini, KK pasif *terbakar* tidak mampu menguasai FN *kapal itu* sebagai objeknya. Untuk menerbitkan ayat pasif yang gramatis, FN *kapal itu* mesti dipindahkan ke posisi lain untuk memenuhi syarat Tapisan Kasus. Posisi yang paling sesuai untuk menerima pemindahan FN *kapal itu* adalah posisi subjek yang kosong. Menerusi Ubah- α , FN *kapal itu* dipindahkan ke posisi subjek kosong tersebut dengan melangkaui dua nodus (sesuatu frasa boleh bergerak melangkaui lebih dari dua nodus ke arah frasa yang sama jenis dengannya). Kemudiannya, FN *orang itu* pun menerima kasus subjektif yang ditandakan oleh nodus infleksi (I) dan meninggalkan tikas (*t*) di posisi asalnya. Akhirnya, data struktur ayat pasif ini yang gramatis dapat diterbitkan pada SL melalui proses Ubah- α seperti Rajah 4 yang berikut:



RAJAH 4: Analisis Ubah- α Struktur Ayat Pasif *ter-*

Analisis Struktur Ayat Pasif Kata Ganti Nama


Data struktur ayat pasif kata ganti nama yang dipilih adalah ayat *surat yang tersebut itu adalah kudapati dalam peti tulis bapaku*. SD bagi ayat ini adalah *adalah kudapati surat yang tersebut itu dalam peti tulis bapaku* berdasarkan rumus umum ayat pasif Mashudi Kader (1991). SD ayat pasif ini dianggap tidak gramatis kerana ayat tersebut tidak memenuhi syarat Tapisan Kasus. Dalam hal ini, KK pasif *kudapati* (K) dalam ayat pasif ini dianalisis sebagai KK yang tidak dapat memberikan kasus objektif kepada FN *surat yang tersebut itu* (N''). Hal ini dikatakan demikian kerana KK yang tidak mempunyai subjek atau argumen luar tidak dapat menandakan kasus dan teta kepada FN (Burzio 1986). Dengan erti kata lain, KK *dapati* yang telah menerima penanda pasif KGN proklitik *ku-* telah menyebabkannya lemah untuk menandakan kasus sedangkan KK ini pada asalnya merupakan KK transitif memerlukan FN objek sebagai komplemennya. Dalam hal ini, KK pasif *kudapati* tidak mampu menguasai FN *surat yang tersebut itu* sebagai objeknya. Untuk menerbitkan ayat pasif yang gramatis, FN *surat yang tersebut itu* mesti dipindahkan ke posisi lain untuk memenuhi syarat Tapisan Kasus. Posisi yang paling sesuai untuk menerima permindahan FN *surat yang tersebut itu* adalah posisi subjek yang kosong. Menerusi Ubah- α , FN *surat yang tersebut itu* dipindahkan ke posisi subjek kosong tersebut dengan melangkaui dua nodus (sesuatu frasa boleh bergerak melangkaui lebih dari dua nodus ke arah frasa yang sama jenis dengannya). Kemudiannya, FN *surat yang tersebut itu* pun menerima kasus subjektif yang ditandakan oleh nodus infleksi (I) dan meninggalkan tikas (*t*) di posisi asalnya. Akhirnya, data struktur ayat pasif ini yang gramatis dapat diterbitkan pada SL melalui proses Ubah- α seperti Rajah 5 yang berikut:



RAJAH 5: Analisis Ubah- α Ayat Pasif Kata Ganti Nama

Analisis Struktur Ayat Pasif Kena

Data struktur ayat pasif berimbuhan *kena* yang dipilih adalah ayat *adalah orang kena denda*. SD bagi ayat ini adalah *adalah kena denda orang* berdasarkan rumus umum ayat pasif Mashudi Kader (1991). SD ayat pasif ini dianggap tidak gramatis kerana ayat tersebut tidak memenuhi syarat Tapisan Kasus. Dalam hal ini, KK pasif *kena denda* (K) dalam ayat pasif ini dianalisis sebagai KK yang tidak dapat memberikan kasus objektif kepada FN *orang* (N''). Hal ini dikatakan demikian kerana KK yang tidak mempunyai subjek atau argumen luar tidak dapat menandakan kasus dan teta kepada FN (Burzio 1986). Dengan erti kata lain, KK *denda* yang telah menerima penanda pasif *kena* telah menyebabkannya lemah untuk menandakan kasus sedangkan KK ini pada asalnya merupakan KK transitif memerlukan FN objek sebagai komplemennya. Dalam hal ini, KK pasif *kena denda* tidak mampu menguasai FN *orang* sebagai objeknya. Untuk menerbitkan ayat pasif yang gramatis, FN *orang* mesti dipindahkan ke posisi lain untuk memenuhi syarat Tapisan Kasus. Posisi yang paling sesuai untuk menerima pemindahan FN *orang* adalah posisi subjek yang kosong. Menerusi Ubah- α , FN *orang* dipindahkan ke posisi subjek kosong tersebut dengan melangkau dua nodus (sesuatu frasa boleh bergerak melangkaui lebih dari dua nodus ke arah frasa yang sama jenis dengannya). Kemudiannya, FN *orang* pun menerima kasus subjektif yang ditandakan oleh nodus infleksi (I) dan meninggalkan tikas (*t*) di posisi asalnya. Akhirnya, data struktur ayat pasif ini yang gramatis dapat diterbitkan pada SL melalui proses Ubah- α seperti Rajah 6 yang berikut:




RAJAH 6: Analisis Ubah- α Struktur Ayat Pasif *Kena*

Analisis Struktur Ayat Pasif Semu

Data struktur ayat pasif semu yang dipilih adalah ayat *budi bahasa Tuan Raffles itu tiadalah aku dapati*. SD bagi ayat ini adalah *aku tiadalah dapati budi bahasa Tuan Raffles itu*. Walau bagaimanapun, susunan rumus SD ayat pasif bahasa Melayu yang diperkenalkan oleh Mashudi Kader (1991) tidak dapat dimanfaatkan. Hal ini dikatakan demikian kerana kajian terhadap struktur ayat pasif semu dengan menggunakan teori Kuasaan dan Tambatan masih tidak pernah dilakukan. Isu ini turut membuka ruang kepada kajian ini untuk menggunakan kegunaan teori Kuasaan dan Tambatan khususnya subteori Ubah- α untuk mendekripsikan proses transformasi ayat pasif semu dalam teks *Hikayat Abdullah*. SD ayat pasif ini dianggap tidak gramatis kerana ayat tersebut tidak memenuhi syarat Tapisan Kasus. Dalam hal ini, KK pasif *dapati* (K) dalam ayat pasif ini dianalisis sebagai KK yang tidak dapat memberikan kasus objektif kepada FN *budi bahasa Tuan Raffles itu* (N''). Hal ini dikatakan demikian kerana KK *dapati* yang berbentuk pasif telah menyebabkannya lemah untuk menandakan kasus sedangkan KK ini pada asalnya merupakan KK transitif memerlukan FN objek sebagai komplementennya. Dalam hal ini, KK pasif *dapati* tidak mampu menguasai FN *budi bahasa Tuan Raffles itu* sebagai objeknya.

Untuk menerbitkan SL ayat pasif semu ini yang gramatis, dua pergerakan yang perlu dijalankan dengan menerusi Ubah- α . Dua pergerakan ini melibatkan unsur kata nafi *tiadalah* dan FN *budi bahasa Tuan Raffles itu* ke hadapan ayat. Pergerakan ini akan mewujudkan pemancangan baharu, iaitu Komplementizer (KOMP). Pertama, kata nafi *tiadalah* akan dipindahkan ke hadapan FN *aku* lalu membentuk projeksi yang lebih tinggi, iaitu KOMP'. Kedua, FN *budi bahasa Tuan Raffles itu* akan dipindahkan ke hadapan kata nafi *tiadalah* untuk membentuk projeksi yang paling tinggi, iaitu KOMP''. Dalam hal ini, kata nafi *tiadalah* meninggalkan tikas (*t*) pada posisi asalnya. Pada masa yang sama, FN *budi bahasa Tuan Raffles itu* menerima kasus subjektif yang ditandakan oleh kepala infleksi (KOMP) dan meninggalkan tikas (*ti*) di posisi asalnya. Akhirnya, data ayat pasif ini yang gramatis turut diterbitkan pada SL melalui proses Ubah- α seperti Rajah 7 yang berikut:




RAJAH 7: Analisis Ubah-α Struktur Ayat Pasif Semu

Analisis Struktur Ayat Pasif dengan Pendepanan Frasa Kerja

Data struktur ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja yang dipilih adalah ayat *sudah dinaikannya bendera Inggeris* SD bagi ayat ini adalah *sudah dinaikannya bendera Inggeris* berdasarkan rumus umum ayat pasif Mashudi Kader (1991). Dalam hal ini, SD dan SL ayat ini kelihatan sama. Namun begitu, SD ayat ini merupakan ayat yang masih hadir dalam fakulti akal manusia. Dengan erti kata lain, ayat ini bukannya ayat yang mempunyai realisasi fonetik (belum diujarkan). SD ayat pasif ini dianggap tidak gramatis kerana ayat tersebut tidak memenuhi syarat Tapisan Kasus. Dalam hal ini, KK pasif *dinaikannya* (K) dalam ayat pasif ini dianalisis sebagai KK yang tidak dapat memberikan kasus objektif kepada FN *bendera Inggeris* (N⁰⁰). Hal ini dikatakan demikian kerana KK yang tidak mempunyai subjek atau argumen luar tidak dapat menandakan kasus dan teta kepada FN. Dengan erti kata lain, KK *naik* yang telah menerima penanda pasif *di-...-kan* telah menyebabkannya lemah untuk menandakan kasus sedangkan KK ini pada asalnya merupakan KK transitif memerlukan FN objek sebagai komplemennya. Dalam hal ini, KK pasif *dinaikannya* tidak mampu menguasai FN *bendera Inggeris* sebagai objeknya. Untuk menerbitkan ayat pasif yang gramatis, FN *bendera Inggeris* mesti dipindahkan ke posisi lain untuk memenuhi syarat Tapisan Kasus. Posisi yang paling sesuai untuk menerima permindahan FN *bendera Inggeris* adalah posisi subjek yang kosong. Menerusi Ubah-α, FN *bendera Inggeris* dipindahkan ke posisi subjek kosong tersebut dengan melangkaui dua nodus (sesuatu frasa boleh bergerak melangkaui lebih dari dua nodus ke arah frasa yang sama jenis dengannya). Kemudiannya, FN *bendera Inggeris* menerima kasus subjektif yang ditandakan oleh nodus infleksi (I) dan meninggalkan tikas (*t*) di posisi asalnya. Akhirnya, ayat *bendera Inggeris sudah dinaikannya* dijana.

Walau bagaimanapun, proses Ubah-α tidak berhenti pada tahap tersebut. Terdapat dua pergerakan lagi yang masih perlu dijalankan. Untuk menerbitkan ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja ini, KK pasif *dinaikannya* perlu didepankan ke pangkal ayat. Pergerakan ini akan mewujudkan satu nodus baharu, iaitu pemancangan KOMP. Namun begitu, pergerakan Ubah-α tidak boleh dilakukan terus pada KK pasif *dinaikannya* ke nodus KOMP. Hal ini dikatakan demikian kerana pergerakan KK pasif ke nodus KOMP akan melanggar satu daripada syarat pergerakan Ubah-α, iaitu setiap pergerakan hanya boleh melangkaui satu nodus pada satu masa. Dalam hal ini, Ramli Salleh (1989) mencadangkan prinsip *General Head Movement Constraint* ISSN 1675-7513

(GHMC), iaitu pendekatan pencantuman digunakan. GHMC ini menyatakan bahawa suatu kepala boleh bercantum dengan kepala yang lain yang menguasainya. Oleh itu, KK pasif *dinaikkannya* yang merupakan kepala (*head*) bagi projeksi maksimal frasa kerja K'' akan dipindahkan dan dicantumkan dengan nodus infleksi *sudah* (I) yang menjadi kepala kepada projek pertengahan infleksi I' yang bersebelahan dengannya. Dengan ini, pencantuman ini membentuk satu kuasaan baharu, iaitu I' yang menguasai kepala I dan spesifiker K. Selepas itu, pergerakan kuasaan baharu I' ke nodus KOMP untuk menerbitkan ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja ini akan dijalankan. Pergerakan kali ini akan meninggalkan tikas kedua (t_{ii}) pada posisi asalnya. Kesemua proses ini dapat dilihat pada Rajah 8 yang berikut:



RAJAH 8: Analisis Ubah- α Struktur Ayat Pasif dengan Pendepanan Frasa Kerja

Analisis Struktur Ayat Pasif tanpa Frasa Nama Subjek

Data struktur ayat pasif tanpa frasa nama subjek yang dipilih adalah ayat *digantikan oleh Tuan Faquhar*. SD bagi ayat ini adalah *digantikan oleh Tuan Faquhar* berdasarkan rumus umum ayat pasif Mashudi Kader (1991). Dalam hal ini, SD dan SL ayat ini kelihatan sama. Namun begitu, SD ayat ini merupakan ayat yang masih berada pada fakulti akal manusia. Dengan erti kata lain, ayat ini bukannya ayat yang mempunyai realisasi fonetik (belum diujarkan). Sebenarnya, KK *digantikan* (K) mempunyai FN objek (N'') sesudahnya disebabkan KK ini merupakan KK transitif yang memerlukan komplemen. Namun begitu, ayat ini jelas menunjukkan bahawa KK *digantikan* tidak mempunyai FN objek yang nyata yang hadir sesudahnya. Oleh hal yang demikian, struktur ayat pasif ini tidak mengalami apa-apa proses Ubah- α . Hal ini dikatakan demikian kerana nodus FN objek yang kosong tersebut menyebabkan ayat ini tidak mempunyai unsur yang dapat digerakkan ke posisi subjek jika dibandingkan dengan struktur ayat pasif berimbuhan *di-* yang umum. Dalam hal ini, aspek SD dan SL ayat pasif ini sahaja dapat dianalisis. Dengan menggunakan teori X-berpalang dan rumus umum Mashudi Kader (1991), struktur ayat pasif ini turut menjadi satu daripada data ayat pasif yang membuktikan bahawa SLnya diterbitkan daripada SDnya yang sudah berstruktur pasif.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini telah membincangkan dan menghuraikan struktur ayat pasif dengan memanfaatkan teori Ubah- α . Sumber bahan data ayat pasif yang dimanfaatkan dalam kajian ini adalah teks klasik *Hikayat Abdullah* untuk meninjau aktiviti transformasinya. Dalam hal ini, hasil kajian memperlihatkan lapan jenis struktur ayat pasif yang digunakan dalam teks *Hikayat Abdullah* yang terdiri daripada (i) struktur ayat pasif berimbunan *di-*, (ii) struktur ayat pasif berimbunan apitan *ke-...-an*, (iii) struktur ayat pasif berimbunan *ter-*, (iv) struktur ayat pasif dengan kata ganti nama, (v) struktur ayat pasif dengan kata *kena*, (vi) struktur ayat pasif semu, (vii) struktur ayat pasif dengan pendepanan frasa kerja, dan (viii) struktur ayat pasif tanpa frasa nama subjek. Kesemua data-data ayat pasif yang diselidik ini telah membuktikannya bahawa SL ayat pasif diterbitkan daripada SDnya yang juga bersifat pasif. Di samping itu, kajian ini merupakan kajian pertama yang mengambil inisiatif untuk menghuraikan ayat pasif semu dengan menggunakan teori Ubah- α . Inisiatif baharu ini memperlihatkan skop tinjauan baharu dalam ayat pasif BM. Penjanaan atau penerbitan sesuatu ayat tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya. Hal ini dikatakan demikian kerana setiap penghasilan ayat daripada aktiviti transformasi perlu mematuhi kekangan dan syarat sesuatu teori. Kegagalan mengekang aktiviti transformasi pada sesuatu ayat akan menyebabkan ayat yang dijana tidak gramatis. Oleh hal yang demikian, kajian ini dapat merumuskan bahawa setiap struktur ayat pasif yang wujud dalam teks *Hikayat Abdullah* telah mematuhi syarat-syarat dalam teori Ubah- α .

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 1992. *Ayat Pasif Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Amir Hatin Asmali Jauhari dan Nasrun bin Alias. 2018. Struktur Pasif Dalam Hikayat Hang Tuah: Kajian Berdasarkan Teori Ubah Alfa. *Jurnal Wacana Sarjana* 2(4): 1- 15.
- Asmah Haji Omar. 1982. *Nahu Melayu Mukhtahir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burzio, L. 1986. *Italian syntax*. Dordrecht: Reidel
- Chomsky, Noam. 1957. *Syntactic Structures*. The Hague: Mouton & Co.
- Chomsky, Noam. 1981. *Lectures in Government and Binding*. Dordrecht: Foris Publication.
- Chomsky, Noam. 1986. *Barriers*. Cambridge: MIT Press.
- Creswell, JW, Plano Clark, VL. 2007. *Designing and Conducting Mixed Methods Research*. Thousand Oaks, CA: Sage
- Kartini Abd Wahab. 2013. Tinjauan Pembentukan Struktur Pasif Di- Berdasarkan Tiga Pendekatan Tatabahasa Generatif. *Jurnal Melayu*. 11: 30-49.
- Kartini Abd. Wahab. 2018. Persoalan derivasi pasif semu bahasa Melayu. Prosiding Kolokium Pusat Kelestarian Warisan dan Kebitaraan Melayu 2018, hlm. 8-13.
- Mashudi Kader. 1991. Sumber bukan Aktif bagi Ayat-ayat Pasif dalam Bahasa Malaysia dan Interaksi Rumus-rumus. Dlm. *Prosiding Seminar Kebangsaan Dwitahunan 1*, Jabatan Linguistik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, hlm. 366-386.
- Nik Safiah Karim, farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 1986. *Tatabahasa Dewan Jilid 1*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. 2008. *Tatabahasa Dewan*. Ed. ke-3. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norhasliza Ramli & Norfazila Ab. Hamid. (2020). Ayat Pasif Di-Dalam Novel Kau Yang Satu: Satu Analisis Berdasarkan Pendekatan Kuasaan Dan Tambatan. *Jurnal Melayu*. 595–612.

Biodata Penulis:

Lian Ching Wei adalah pelajar program Pengajian Bahasa Melayu, Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Beliau kini berkhidmat sebagai guru bahasa Melayu di *Sanctus International School*.

Nasrun Alias adalah pensyarah di Pusat Kajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah morfologi, sintaksis dan dialek Melayu.